



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**MENTERI PERPADUAN NEGARA MENYERAHKAN GERAN KAWASAN RUKUN  
TETANGGA BERJUMLAH RM2,676,000 DAN MERASMIKAN PROGRAM  
“KOMUNITI RUKUN TETANGGA – VAKSIN UNTUK SEMUA” PERINGKAT  
NEGERI PULAU PINANG**

---

Pulau Pinang, 9 April 2021 – YB Menteri Perpaduan Negara telah menyerahkan geran kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi negeri Pulau Pinang berjumlah RM2,676,000 di dalam majlis Program Malaysia Prihatin: Memperkasa Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Peringkat Negeri Pulau Pinang yang diadakan bagi merasmikan program “Komuniti Rukun Tetangga – Vaksin Untuk Semua” dan program Agenda Kerja Rukun Tetangga (RT4ALL) dan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), sebuah program kerjasama strategik bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang ditandatangani oleh kedua-dua Kementerian pada 31 Mac, 2021.

2. Program “**Komuniti Rukun Tetangga – Vaksin Untuk Semua**” peringkat Kementerian Perpaduan Negara telah dimulakan pada 19 Mac 2021 dan menyasarkan pendaftaran vaksin oleh 250,000 ahli KRT di seluruh Malaysia. Program yang dijalankan oleh komuniti KRT ini melibatkan perkongsian maklumat mengenai vaksin COVID-19 dan bantuan pendaftaran vaksin ini untuk komuniti setempat melalui aplikasi MySejahtera, laman web pendaftaran vaksin dan pendaftaran secara manual dengan mengisi borang.

3. Sehingga hari ini, jumlah pendaftaran vaksin melalui program “Komuniti Rukun Tetangga – Vaksin Untuk Semua” adalah seperti berikut:

<b>Lokasi</b>	<b>Pendaftaran Ahli KRT</b>	<b>Pendaftaran Orang Awam</b>	<b>Jumlah Besar Pendaftaran</b>
Seluruh Malaysia	100,182	31,222	131,404
Pulau Pinang	1,517	831	2,348

Di Pulau Pinang terdapat 446 KRT aktif dengan keahlian seramai 13,380 orang.

4. Menurut YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, KRT adalah Jentera Perpaduan yang dapat membantu Kerajaan menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih mengenai pengambilan vaksin COVID-19 kepada komuniti peringkat akar umbi. Menurut beliau lagi, penyebaran maklumat yang sahih dan tepat mengenai program vaksin COVID-19 ini akan dapat membantu menambah keyakinan dan seterusnya menaikkan jumlah pendaftaran yang disasarkan bagi mencapai imuniti kelompok bagi rakyat Malaysia.

5. Di dalam sesi lawatan ke Pulau Pinang ini, YB Menteri Perpaduan Negara turut melawat Pusat Aktiviti Perpaduan di Seberang Perai Selatan dan dua buah kelas Tabika Perpaduan Seberang Perai di mana salah satu daripada kelas tersebut telah memenangi Naib Juara Kategori Tabika Perpaduan pada Anugerah Rukun Tetangga 2021 yang diadakan secara maya pada 28 Februari 2021.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

9 April 2021

**-TAMAT-**

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (62)